

**Mesyuarat Pengurusan
Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi
Bil 1/2023**

Tarikh : 5 April 2023 (Rabu)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Eksekutif,
Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah,
Perpustakaan UTM, Johor Bahru, Johor.

Hadir :

- | | | |
|----|----------------------------------|--|
| 1. | Cik Haslina binti Othman | : Timbalan Ketua Pustakawan (Ilmu Pengetahuan Institusi) – TKP(IP)/Pengerusi |
| 2. | En. Mohd. Fuad bin Mohamed Yusof | : Ketua Seksyen Koleksi Khas & Repositori - KKR |
| 3. | Pn. Haslina binti Hussin | : Pustakawan Kanan - P(RD) / Pencatat |
| 4. | Pn. Junaidah binti Abdullah | : Pustakawan Kanan - P(GK)/P(RK) |
| 5. | Pn. Nabilah Jamil | : Pustakawan Kanan - P(BG) |
| 6. | Cik Nazrinda binti A. Samah | : Pustakawan Kanan - P(PG) |

Agenda Mesyuarat :

1. **Ikrar Pengisytiharan Kepentingan**
2. **Aluan Pengerusi**
3. **Meluluskan Minit Mesyuarat Pengurusan BIP Bil. 1/2022**
4. **Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan PRZS Bil. 1/2022**
5. **Pelaporan KHIR dan HIR BIP 2023 bagi seksyen-seksyen BIP 2023**
6. **Penyediaan kertas kerja bagi keperluan Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (BIP) tujuan makluman dan kelulusan.**
7. **Laporan Perancangan dan Perkembangan Seksyen-seksyen di BIP**
8. **Kesejahteraan Staf**
9. Pendepositan bahan tesis di Document Management System (DMS)
10. Pelantikan Jawatankuasa Multimedia Bahagian
11. SOP Aktiviti melibatkan pihak Luar
12. Hal-hal lain
13. Penutup

1. Ikrar Pengisytiharan Kepentingan

Pembacaan ikrar Pengisytiharan Kepentingan Peribadi dan Pengisytiharan Kepentingan serta sesi menandatangani kedua-dua borang telah dilaksanakan dengan lancar bagi semua ahli mesyuarat.

Makluman

2. Aluan Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah.

- 2.2 Pengerusi memaklumkan mengenai majlis pelancaran *Malaysia Open Science Platform* (MOSP) oleh pihak MOSTI yang dijangkakan akan dilaksanakan pada 11 Mei 2023 / Khamis di Kuala Lumpur. Satu perbincangan mesyuarat tergempar telah diadakan pada 2 April 2023 di Bilik Mesyuarat Utama, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru telah diadakan dan dipengerusikan oleh Puan Ketua Pustakawan. Mesyuarat telah dihadiri oleh pegawai Pengurusan Tertinggi PUTM, Prof. Dr. Mohd. Shahir Shamsir Omar dan P(RD) telah diminta turut hadir pada mesyuarat berkenaan.

Makluman

- 2.3 Hasil perbincangan dan cadangan daripada Prof. Dr. Mohd. Shahir Shamsir Omar, dua (2) sumber untuk mendapatkan data penyelidikan telah dikenalpasti, iaitu data penyelidikan daripada *Open Repository* dan tesis daripada sistem DMS bagi membantu pihak PUTM menginput data penyelidikan ke sistem *UTM Open Science*.

Makluman

- 2.4 Pengerusi turut memaklumkan Puan Ketua Pustakawan telah mengarahkan satu Jawatankuasa *Task Force* dibentuk segera bagi melaksana proses menginput data penyelidikan ke dalam sistem *UTM Open Science* di perisian sumber terbuka dari platform *DSpace7* bagi menggantikan *Eprints* sedia ada. Satu latihan dalam bentuk kursus telah dirangka pada 10 dan 11 April 2023 untuk memberi pendedahan dan panduan kepada Pustakawan yang terlibat (pencalonan oleh Ketua Bahagian/Seksyen masing-masing) untuk membantu proses menginput data penyelidikan ini.

Makluman

- 2.5 Pengerusi memaklumkan mengenai lantikan Penyelaras Seksyen dan Penyelaras Unit yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2023. Beliau turut memaklumkan bahawa senarai tugas bagi Penyelaras Seksyen akan dikemaskini berdasarkan lantikan terkini.

Tindakan : TKP(IP) & KKR

- 2.6 Pengerusi turut memaklumkan bahawa pihak pengurusan PUTM telah bersetuju untuk melantik Pn. Junaidah Abdullah menanggung tugas Pustakawan Unit Pengurusan Koleksi Khas yang telah bersara pilihan berkuatkuasa mulai 14 Mac 2023 sehingga jawatan berkenaan dipenuhi. Kelulusan ini adalah merujuk kepada surat permohonan menanggung kerja Pustakawan (GRED SA41) melibatkan Pn. Junaidah Abdullah yang telah dihantar pada 28 Mac 2023 [No. Ruj : UTM.J.04.02.02/12.18/1/6 Jld.6 (39)].

Makluman

3. Meluluskan Minit Mesyuarat Pengurusan BIP Bil. 1/2022

Minit mesyuarat Bil. 1/2022 telah diluluskan tanpa pindaan dan telah disokong oleh P(GK)/P(RK).

Makluman

4. Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan PRZS Bil. 1/2022

- 4.1 Pengerusi meminta supaya penanggungjawab kepada semua Laporan Perkara Berbangkit yang berstatus SELESAI untuk memasukkan tarikh bagi setiap tindakan yang telah dilaksanakan.

Makluman

- 4.2 P(GK)/P(RK) merujuk kepada perkara 4.4.2 Proses semakan penulisan dua tokoh sejarah lisan yang terpilih untuk Sejarah Lisan Tokoh Penyelidik - beliau meminta supaya aktiviti ini dapat digugurkan dengan merujuk kepada perkembangan aktiviti ini seperti yang telah dilaporkan.

Pengerusi meminta P(GK)/P(RK) untuk mendapatkan maklumat penulisan berkaitan Prof. Dr. Mohd. Hasbullah Idris disemak daripada sumber OPAC, UTM Scholars serta lain-lain sumber yang dapat membantu pihak PUTM mendapat senarai hasil penulisan beliau.

Tindakan : P(GK)/P(RK)

- 4.3 Pengerusi memaklumkan mengenai penyediaan manuskrip dan video bagi bagi Projek Sejarah Lisan Tokoh UTM yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 oleh AJK di bawah kendalian P(PG) dan P(GK)/P(RK). Penyediaan ini merangkumi :
- i. Kompilasi manuskrip sesi temuramah yang telah siap dijilid.
 - ii. Penghasilan video suntingan yang telah dirakam semasa sesi temubual.

Kedua-dua hasil bahan ini akan diserahkan kepada tokoh berkenaan dan juga untuk simpanan Koleksi Khas PUTM sebagai rujukan.

Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan peruntukan untuk menjilid manuskrip perlu dimaklumkan kepada beliau untuk tindakan lanjut. Beliau turut memaklumkan supaya prosedur penyerahan bahan manuskrip dan video yang telah siap disediakan adalah merujuk kepada prosedur yang sama sebagaimana yang telah dilaksanakan bagi projek Veteran TLDM, Lt. Kdr (B) Haji Mohamed Sarif bin Kalam.

Tindakan : P(PG) & P(GK)/P(RK)

- 4.4 Pengerusi turut memaklumkan bahawa Puan Ketua Pustakawan telah mencadangkan supaya Prof. Dr. Yahaya Md. Sam, Pengarah QIRIM UTM menjadi tokoh kepada projek Sejarah Lisan Tokoh Penyelidik bagi tahun 2023.

Tindakan : P(PG)

5. Pelaporan KHIR dan HIR BIP 2023 bagi seksyen-seksyen BIP 2023

5.1 Laporan pembentangan HIR 2023 - Unit Pembangunan Koleksi Khas dan Unit Pengurusan Koleksi Khas.

- 5.1.1 Pelaporan telah dibentangkan oleh P(GK)/P(RK). Beliau memaklumkan bahawa aktiviti promosi dan tuntutan bahan melalui sistem IKLAS akan dilaksanakan oleh pihak PRZS, kecuali bagi bahan tesis yang akan turut melibatkan Pustakawan dari PSZKL.

Pengerusi meminta aktiviti Khidmat Masyarakat di bawah kendalian SKR bagi tahun 2023 dimasukkan sebagai aktiviti PUTM dan akan dibawa ke Mesyuarat Eksekutif PUTM untuk mendapatkan peruntukan bagi pelaksanaannya.

Rujuk Lampiran 1.

Tindakan : P(GK)/P(RK)

5.2 Laporan pembentangan HIR 2023 - Unit Repositori & Dokumen Digital.

- 5.2.1 Pelaporan telah dibentangkan oleh P(RD). Rujuk Lampiran 2.

Makluman

5.3 Laporan pembentangan HIR 2023 - Unit Pembangunan Galeri dan Unit Konservasi.

- 5.3.1 Pelaporan telah dibentangkan oleh P(BG). Rujuk Lampiran 3.

Makluman

5.4 Laporan pembentangan HIR 2023 - Unit Penyelidikan Galeri.

- 5.4.1 Pelaporan telah dibentangkan oleh P(PG).

Pengerusi memaklumkan permohonan peruntukan untuk pembelian perabot perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti tanpa mengira had nilai jumlah permohonan.

Rujuk Lampiran 4.

Makluman

5.5 Laporan pembentangan HIR 2023 - Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi.

- 5.5.1 Pelaporan telah dibentangkan oleh KKR.

KKR memaklumkan bahawa sebarang semakan dan pindaan kepada HIR masih boleh dilaksanakan selepas suku kedua untuk semakan semula sebelum pelaporan suku ketiga bermula. Turut dimaklumkan bahawa HIR bagi tahun 2023 telah diberikan nombor rujukan dan beliau meminta semua pemilik proses yang menjawab kepada HIR 2023 merujuk kepada nombor rujukan seperti yang dikongsikan pada slaid pembentangan.

KKR memaklumkan terdapat beberapa pindaan yang melibatkan HIR mengikut Unit seperti berikut :

- i. *HIR04-05-02 : Participation in Malaysia Open Science Initiatives*
- ii. *HIR04-03-06 : Strengthening of University Institutional Knowledge Repositories*

Rujuk Lampiran 5.

Makluman

6. Penyediaan kertas kerja bagi keperluan Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi (BIP) tujuan makluman dan kelulusan.

- 6.1 Pembentangan Kertas Kerja Mesyuarat JE PUTM : Tatacara Mengedit Dokumen Tesis UTM Dan Tesis Luar Berkaitan UTM Bagi Tujuan Pendepositan Ke Sistem UTM-IR, Jabatan Perpustakaan UTM. Pembentang telah disampaikan oleh P(RD).

Pengerusi meminta P(RD) menambah maklumat keperluan garis panduan yang disediakan oleh P(RD) sebagai sumber rujukan yang akan dimasukkan pada Polisi/Dasar/Prosedur PUTM di bawah perkara Justifikasi dalam kertas kerja berkenaan dan mohon supaya diserahkan kepada Pembantu Peribadi Puan Ketua Pustakawan untuk penyediaan dibawa ke Mesyuarat JE PUTM dan bacaan Puan Ketua Pustakawan.

Rujuk Lampiran 6.

Tindakan : P(RD)

7. Laporan Perancangan dan Perkembangan Seksyen-seksyen di BIP

7.1 Unit Pembangunan Koleksi Khas dan Unit Pengurusan Koleksi Khas

Pembentangan oleh P(GK)/P(RK). Rujuk Lampiran 7.

Makluman

7.2 Seksyen Galeri

Pembentangan oleh P(BG). Rujuk Lampiran 8.

Makluman

7.3 Unit Repositori & Dokumen Digital

Pembentangan oleh P(RD). Rujuk Lampiran 9.

Makluman

8. Kesejahteraan Staf

Pengerusi memaklumkan agenda ini melibatkan pengurusan dan pemantauan SMIS staf seliaan Pegawai Penilai Pertama, Pegawai Penilai Kedua dan TKP(IP) (secara keseluruhan) bagi memastikan prestasi staf yang diselia dipantau dengan baik. Penyeliaan ini juga bagi memastikan masalah staf terkawal dan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya yang melibatkan isu disiplin kehadiran, cuti dan lain-lain.

Pengerusi turut merujuk isu kesejahteraan staf ini penyediaan satu (1) garis panduan dan tatacara yang seragam melibatkan isu kesihatan, pemakluman berita berkaitan staf, kutipan kewangan, jamuan keraian yang merangkumi staf dan keluarga (ibu, bapa, suami, isteri dan anak-anak staf).

Kutipan sumbangan kewangan akan melibatkan aktiviti meraikan staf, sumbangan kepada staf yang melibatkan faktor kesihatan dan kekeluargaan (staf/ahli keluarga : masuk wad, meninggal dunia, banjir, kebakaran, kemalangan dan lain-lain bencana).

Makluman

9. Pendepositan bahan tesis di Document Management System (DMS)

P(GK)/P(RK) memaklumkan mengenai perkembangan semasa proses pengurusan bahan tesis format digital yang melibatkan tempoh penyimpanan fail pdf di dalam *Google Drive* yang terhad saiz storan fail simpanan.

Beliau juga meminta supaya sistem E-Tesis dapat beroperasi dengan segera dan isu ini dapat dibawa perhatian ke Mesyuarat Semakan Pengurusan Induk untuk tindakan segera.

KKR memaklumkan usaha untuk mendapatkan ruang storan melalui platform UniShare akan diusahakan untuk kegunaan staf BIP mengikut keperluan.

Tindakan : KKR & TKP(IP)

10. Pelantikan Jawatankuasa Multimedia Bahagian

10.1 Pembentangan telah disampaikan oleh KKR. Lantikan mengikut Seksyen telah dicalonkan seperti berikut :

- a. Seksyen Koleksi Khas & Repositori : Unit repositori & Dokumen Digital
 - i. Pn. Yanti Mohd. Shah
 - ii. Pn. Nurul Shafika Hassan
- b. Seksyen Koleksi Khas & Repositori : Unit Pembangunan Koleksi Khas dan Unit Pengurusan Koleksi Khas
 - i. En. Zul Izuan Hanafiah
 - ii. Pn. Nurfarahin Daud
- c. Seksyen Galeri : Unit Konservasi
 - i. En. Mohd. Faezan Abd. Jalil
 - ii. Pn. Siti Rahidah Radzuan

Rujuk Lampiran 10.

Makluman

11. SOP Aktiviti Melibatkan Pihak Luar

- 11.1 Pengerusi membangkit isu berkaitan prosedur mengurus lawatan daripada pihak luar yang menimbulkan kekeliruan dalam urusan pelaksanaan dan tanggungjawab yang melibatkan lawatan ke ruang pameran di bawah kendalian Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi.

Ahli mesyuarat bersependapat bahawa lawatan yang bersifat umum dan berpandu ke PUTM sama ada di PSZJB atau di PRZS hanya perlu dikendalikan oleh staf daripada Bahagian Perkhidmatan. Lawatan ini secara dasarnya adalah berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang diberi taklimat umum dan ringkas. Manakala bagi lawatan yang bersifat khusus dan lebih menjurus kepada perincian proses kerja di Unit / Seksyen yang tertentu sahaja perlu dikendalikan oleh Pustakawan berkenaan dengan notis pemakluman awal agar persediaan yang sewajarnya dapat dilakukan dengan tersusun.

Bagi tujuan keseragaman prosedur kerja serta pemahaman yang jelas daripada Unit / Seksyen / Bahagian yang bertanggungjawab mengendalikan lawatan di PUTM, isu ini dilihat dapat diberi perhatian bagi memastikan kategori lawatan yang dikendalikan dapat diselaraskan dengan lebih tersusun mengikut keperluan pelawat untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sesuai dengan tujuan lawatan berkenaan.

Tindakan : TKP(IP)

12. Hal-hal lain

- 12.1 KKR memaklumkan bahawa satu inisiatif untuk menghargai dan memotivasikan staf peringkat SKR telah diadakan melalui pencalonan bagi Anugerah Staf Inspirasi Bulanan bagi Seksyen Koleksi Khas & Repositori, Jabatan Perpustakaan UTM Johor Bahru dengan mengambil kira pelbagai aspek-aspek dan kriteria yang baik dari kalangan rakan sekerja.

Borang pencalonan yang telah dibagikan melalui aplikasi Google Form telah diemelkan kepada semua staf SKR pada 2 April 2023 untuk mendapat maklumbalas staf berhubung inisiatif ini. Inisiatif ini akan dikembangkan sekiranya mendapat sambutan positif daripada semua staf. Insentif dalam bentuk sijil dan cenderamata akan diberikan kepada staf yang mendapat pencalonan terbaik.

Pengerusi meminta supaya inisiatif ini diletakkan di bawah Program Kesejahteraan Staf.

Makluman

13. Penutup

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan bacaan surah Al-Asr

Disediakan oleh :



.....
Haslina binti Hussin

Pencatat Minit

Mesyuarat Pengurusan

Bahagian Ilmu Pegetahuan Institusi

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

Perpustakaan UTM

Disahkan oleh :



.....
Haslina binti Othman

Pengerusi

Mesyuarat Pengurusan

Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

Perpustakaan UTM